



DR 11 TAHUN 2019  
DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT BELAS  
PENGGAL KEDUA



LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
(PAC) PARLIMEN KEEMPAT BELAS

**MAKLUM BALAS KEMENTERIAN KEWANGAN (MOF)  
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN (DR3/2019)**

PENGURUSAN MARINA AWAM DI BAWAH  
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN (MOT)

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG  
NEGARA (PAC) PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
MAKLUM BALAS KEMENTERIAN KEWANGAN (MOF)  
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN  
(DR3/2019)**

BIL	PERIKARA	MUKA SURAT
1	<b>LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG PENGURUSAN MARINA AWAM DI BAWAH KEMENTERIAN PENGANGKUTAN (MOT)</b>	<b>1 - 3</b>
2	<b>MAKLUM BALAS MOF BAGI SYOR-SYOR LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN DR3/2019</b>	<b>4 - 14</b>

**LAPORAN JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN MARINA AWAM  
DI BAWAH KEMENTERIAN  
PENGANGKUTAN (MOT)**



**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
(PAC) PARLIMEN**

**TERHADAP MAKLUM BALAS KEMENTERIAN  
KEWANGAN (MOF) BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC  
PARLIMEN (DR3/2019)  
BERHUBUNG**

**PENGURUSAN MARINA AWAM**

**DI BAWAH  
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN (MOT)**

## **1. LATAR BELAKANG**

Melalui mandat yang diberikan di bawah Perkara 77 (1) (c) dan 83 (2) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, PAC Parlimen telah membincangkan mengenai Pengurusan Marina Awam oleh Jabatan Laut Malaysia (JLM)/Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) pada 13 November 2018 dan 27 November 2018 iaitu dalam Prosiding Bilangan 17/2018 dan 19/2018.

Isu ini adalah merupakan sebahagian daripada isu yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2017 Siri 1 yang dibentangkan di Parlimen pada 15 Ogos 2018.

Dalam prosiding berkenaan, PAC Parlimen telah memanggil pihak-pihak yang terlibat dengan Pengurusan Marina Awam iaitu Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT); KSU Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (KHE); Ketua Pengarah (KP) Jabatan Laut Malaysia (JLM); serta Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU) Dasar dan Pembangunan, Kementerian Kerja Raya (KKR) untuk memberi keterangan dan tindakan yang telah diambil terhadap isu-isu yang telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2017 Siri 1 tersebut.

Jawatankuasa ini, kemudian membentangkan Laporan PAC Parlimen terhadap Pengurusan Marina Awam oleh Jabatan Laut Malaysia (JLM)/Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) DR3/2019 telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 18 Mac 2019.

Dalam laporan tersebut PAC Parlimen telah mengemukakan rumusan dan enam (6) syor yang perlu diambil tindakan oleh Pegawai Pengawal MOT.

Berdasarkan Arahan Perbendaharaan 304 (b) menetapkan bahawa tindakan-tindakan berikut perlu diambil selepas Laporan PAC Parlimen dibentangkan di Dewan Rakyat :

- i. Kementerian Kewangan (MOF) dikehendaki memaklumkan kepada Pegawai Pengawal berkenaan perenggan di dalam Laporan PAC Parlimen yang melibatkan Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan masing-masing.
- ii. Pegawai Pengawal / KSU berkenaan perlu mengambil tindakan seperti disyorkan oleh PAC Parlimen dan melaporkan kepada Kementerian Kewangan tentang tindakan yang telah diambil atau kedudukan semasa perkara yang dibangkitkan oleh PAC Parlimen.
- iii. MOF menyedia dan mengemukakan satu memorandum muktamad kepada PAC Parlimen mengenai perkara-perkara yang dinyatakan dalam Laporan PAC Parlimen berdasarkan kepada maklum balas yang diterima daripada Pegawai-pegawai Pengawal / KSU. Memorandum ini perlu disediakan dengan segera dan dibentangkan kepada PAC Parlimen untuk makluman dan tindakan lanjutan yang mana perlu.

Sehubungan dengan itu, MOF bersama-sama dengan Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) dan Jabatan Laut Malaysia (JLM) telah memberikan Taklimat berhubung Laporan Tindakan Susulan Pegawai Pengawal ke atas Syor-syor PAC Parlimen bagi Laporan PAC Parlimen DR3/2019 di hadapan PAC Parlimen pada 16 Julai 2019.

## **2. PENDAHULUAN**

- 2.1. Pengurusan Marina Awam oleh Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) merupakan sebahagian daripada isu yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2017 Siri 1.
- 2.2. Selaras dengan Perkara 77 1(c), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat serta Arahan Perbendaharaan 304 (a), Jawatankuasa Kirakira Wang Negara (PAC) Parlimen memutuskan untuk membawa isu ini ke Prosiding PAC Parlimen Bilangan 17 pada 13 November 2018 dan Bilangan 18 pada 27 November 2018.
- 2.3. Laporan PAC Parlimen Berhubung Pengurusan Marina Awam oleh MOT telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 18 Mac 2019.
- 2.4. YB Pengerusi PAC Parlimen kemudian menulis surat nombor rujukan PAR/PAC 3/25 Jld.64(61) kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP) bertarikh 1 April 2019 dengan mengemukakan syor-syor Jawatankuasa ini berhubung Laporan PAC Parlimen DR3/2019 kepada Pegawai Pengawal MOT dan memohon supaya tindakan susulan diambil selaras dengan Perkara 304 (b), Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2008).
- 2.5. YBhg Dato' Othman Semail, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan) serta YBhg Tuan Syed Nasir Syed Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha MOT dan YBhg Ir Ahmad Khairuddin Ismail, Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Laut Malaysia (JLM) telah memberikan taklimat berhubung tindakan susulan Pegawai Pengawal MOT terhadap syor-syor PAC Parlimen bagi Laporan PAC Parlimen DR3/2019 di hadapan Jawatankuasa ini pada 16 Julai 2019.

**MAKLUM BALAS MOF  
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN  
JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA  
(PAC) PARLIMEN DR3/2019**

### 3. MAKLUM BALAS KE ATAS SYOR-SYOR PAC PARLIMEN

- 3.1. **Syor 1: PAC Parlimen menggesa UKAS mempercepat proses *Request For Proposal* (RFP) yang meliputi *feasibility study* ke atas projek marina awam ini.**

#### **Maklum Balas Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS)**

- 3.1.1. Mesyuarat Jawatankuasa Kerjasama Awam Swasta (JKAS) telah diadakan pada 26 April 2019 berkaitan Cadangan Penswastaan Marina-marina Awam di Bawah Seliaan JLM. Mesyuarat ini antaranya memutuskan perkara berikut:

- i. Supaya MOT dan JLM selaku pemilik projek melakukan *feasibility study* terlebih dahulu bagi melihat sama ada marina awam ini *feasible* untuk diswastakan secara pajakan jangka panjang atau dijual (*outright sales*). UKAS dalam hal ini tidak melakukan *feasibility study* bagi mana-mana projek penswastaan dan kajian tersebut hendaklah dilakukan sendiri oleh kementerian/agensi berkenaan. Fungsi UKAS adalah untuk mengeluarkan RFP dan seterusnya merunding terma atau syarat perjanjian setelah perjanjian dipersetujui. Walau bagaimanapun, sekiranya MOT/JLM berhasrat untuk menggunakan kajian khas marina awam sedia ada yang telah disediakan bersama oleh MOT/JLM sebelum ini, kandungan kajian tersebut perlulah diperkemas dan diperincikan lagi;
- ii. Supaya MOT mengangkat hasil kajian khas marina awam sedia ada/ *feasibility study* yang akan dijalankan kelak kepada YB Menteri Pengangkutan terlebih dahulu. Sekiranya dipersetujui oleh pengurusan atasan MOT, Memorandum Jemaah Menteri perlu disediakan oleh MOT bagi membatalkan kelulusan prinsip bertarikh 4 Disember 2015 serta mengemukakan cadangan

kepada Jemaah Menteri sama ada keenam-enam buah marina awam ini lebih sesuai diswastakan secara pajakan jangka panjang mahupun dijual (*outright sales*); dan

- iii. Pada masa yang sama, MOT/JLM perlu mengadakan perbincangan dengan Pihak Berkuasa Negeri yang terlibat dengan marina-marina awam ini bagi memaklumkan hasrat cadangan penswastaan/*outright sales* ke atas marina-marina awam berkenaan.

#### **Maklum Balas MOF**

- 3.1.2. Mesyuarat Pembentangan Laporan Tindakan Susulan Pegawai Pengawal ke Atas Syor-syor PAC pada 30 April 2019 telah bersetuju bahawa MOT menerajui proses libat urus dengan pihak kerajaan negeri terlebih dahulu sebelum keenam-enam buah marina awam diswastakan secara pajakan jangka panjang mahupun dijual.

#### **Maklum Balas Bahagian Maritim, MOT**

- 3.1.3. MOT telah mengadakan sesi libat urus bersama-sama pihak berkuasa negeri Melaka, Pahang dan Sarawak pada 23 Mei 2019. Hasil perbincangan, terdapat pandangan untuk menerokai potensi pengambilalihan Marina Awam Melaka, Pulau Tioman dan Kuching oleh pihak berkuasa negeri melalui tiga (3) opsyen berikut:

- i. Penjualan tanah dan aset secara langsung (*outright sale*) kepada kerajaan negeri;
- ii. Pertukaran tanah dan aset (*land swap*) kepada kerajaan negeri dengan gantian tanah lain yang mempunyai nilai setimpal; dan
- iii. Pajakan jangka panjang (*long term lease*) terhadap keseluruhan marina awam untuk apa-apa tujuan kepada kerajaan negeri.

- 3.1.4. MOT telah mengemukakan surat kepada pihak berkuasa negeri terlibat pada 4 Julai 2019 untuk mendapatkan pandangan lanjut. Pihak berkuasa negeri terlibat sedang meneliti dan merujuk kepada kerajaan negeri masing-masing. Perkara ini sedang dalam tindakan MOT.

**Maklum Balas JLM**

- 3.1.5. Mesyuarat Berhubung Penswastaan Marina-marina Awam di Bawah Seliaan Jabatan Laut Malaysia yang diadakan pada 31 Julai 2019 di JLM Kuching, Sarawak yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah JLM dan dihadiri oleh wakil MOT, MOF, UKAS, dan kerajaan negeri Sarawak antaranya memutuskan perkara berikut:
- i. MOT perlu mengangkat kertas Jemaah Menteri untuk melupuskan keenam-enam marina awam di bawah seliaan JLM melalui:
    - a) kaedah RFP bagi Marina Melaka, Marina Pulau Mentagor, Perak, Marina Pulau Indah, Selangor, Marina Pulau Tioman, Pahang dan Marina Kuching, Sarawak; dan
    - b) Pajakan jangka panjang bagi Marina Batu Uban, Pulau Pinang.
  - ii. *Feasibility study* untuk penswastaan marina awam hanya akan dilaksanakan sekiranya perlu dan tertakluk kepada peruntukan kewangan kementerian yang mencukupi.

***(Setakat 23 Ogos 2019, syor ini sedang dalam tindakan pihak MOT/JLM)***

**3.2. Syor 2: Menggesa Kementerian Pengangkutan menyiasat kebertanggungjawaban syarikat YTL dalam projek Marina Awam Pulau Mentagor.**

**Maklum Balas Bahagian Maritim, MOT**

- 3.2.1. Marina Pulau Mentagor telah dibina dengan mengambil kira Projek Pembangunan Pelancongan Bersepadu Teluk Ketapang, Teluk Nipah dan Pulau Mentagor yang dirancang oleh YTL Land & Development Berhad dan diluluskan secara dasar pada 22 Januari 2003 oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Perak.
- 3.2.2. Bagi menilai kebertanggungjawaban syarikat YTL dalam projek marina awam Pulau Mentagor, Bahagian Maritim, Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) telah mengadakan satu mesyuarat pada 7 Mei 2019 dan 16 Mei 2019.
- 3.2.3. Berdasarkan keputusan mesyuarat tersebut, dokumen-dokumen melibatkan pembangunan Marina Awam Pulau Mentagor telah dikumpul daripada agensi-agensi Kerajaan yang terlibat untuk disemak dan diteliti. Hasil mesyuarat antaranya mengesyorkan supaya isu ini dirujuk kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

**Taklimat berhubung Laporan Tindakan Susulan Pegawai Pengawal MOT ke Atas Syor-syor PAC Parlimen bagi Prosiding DR3/2019 di hadapan PAC Parlimen**

- 3.2.4. PAC Parlimen bersetuju supaya isu ini dirujuk kepada SPRM.

***(Setakat 23 Ogos 2019, syor ini sedang dalam tindakan pihak SPRM)***

**3.3. Syor 3: Menggesa Kerajaan supaya memantapkan kawalan keselamatan di marina awam yang melibatkan kemasukan warga asing.**

**Maklum Balas JLM**

- 3.3.1. JLM telah membangunkan Prosedur Operasi Standard (SOP) Pengurusan Marina Awam yang telah dikuatkuasakan pada 3 September 2018 merangkumi aspek kawalan keselamatan di marina-marina awam. Sebagai contoh, penggunaan sistem kad akses bertujuan untuk mengawal aktiviti keluar masuk pelayar ke marina awam.
- 3.3.2. Bagi memantapkan kawalan keselamatan yang melibatkan kemasukan warga asing melalui marina awam, sesi libat urus (*engagement*) dengan pihak Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) telah diadakan di setiap peringkat wilayah yang terlibat dengan pengurusan marina awam untuk memperkemas dan meningkatkan kerjasama kedua-dua jabatan dalam urusan ini.
- 3.3.3. Berhubung status marina awam sebagai *Legal Landing Place* (LLP), JLM telah mengemukakan suratnya rujukan (3)IPL.2517-J Jld 2 bertarikh 24 Oktober 2018 kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).
- 3.3.4. JKDM kemudian telah mengemukakan surat maklum balas rujukan KE.HE(44) 441/61(10) bertarikh 15 November 2018 yang memaklumkan bahawa Marina Awam tidak diwartakan sebagai tempat pendaratan yang sah (LLP) dan akan mengkaji berhubung perkara ini.

- 3.3.5. JLM telah mengemukakan maklumat yang dipohon oleh JKDM berkaitan senarai jeti-jeti marina persendirian yang terdapat di seluruh Malaysia bagi tujuan mengenal pasti tempat-tempat yang berpotensi dijadikan *entry point* oleh kapal layar dari luar negara.
- 3.3.6. JKDM memaklumkan kepada JLM melalui e-mel bertarikh 19 Mac 2019 bahawa JKDM sedang dalam peringkat akhir kajian ke atas pelaksanaan kawalan di marina dan hasil kajian akan dibentangkan kepada Pengurusan Tertinggi JKDM.
- 3.3.7. Pada 9 Julai 2019, JKDM memaklumkan telah mengangkat hasil kajian kepada pengurusan tertinggi JKDM dan secara dasarnya memutuskan perkara-perkara berikut:
  - i. Jeti-jeti marina tidak diwarta sebagai tempat pendaratan yang sah setelah mengambil kira kekangan jabatan untuk menempatkan pegawai di semua jeti marina dan ia melibatkan kos pengurusan yang tinggi dan penggunaan tenaga kerja yang tidak *cost effective*;
  - ii. Pindaan pada peraturan sedia ada perlu dibuat bagi mewajibkan semua nakhoda/penumpang kapal layar/persiaran yang mendarat di jeti marina untuk hadir ke stesen kastam berdekatan bagi melakukan pengikraran barang (termasuk mata wang); dan
  - iii. Pemakluman berkenaan pengikraran/pengisytiharan semasa tiba/meninggalkan Malaysia (Peraturan 17, Peraturan-peraturan Kastam 1977) oleh nakhoda/penumpang kapal layar/persiaran akan dimuat naik ke dalam laman web rasmi JKDM.

- 3.3.8. Walau bagaimanapun, JKDM telah memberikan kelulusan sementara kebenaran untuk mendarat/memuatkan barang-barang di tempat selain tempat pendaratan yang sah di bawah Seksyen 30, Akta Kastam 1967 kepada Marina Awam Melaka.
- 3.4. Syor 4: Jabatan Laut Malaysia perlu memastikan wujud kawalan dan pengurusan kewangan serta pungutan hasil yang lebih efisien di marina awam.**

**Maklum Balas JLM**

- 3.4.1. Mesyuarat Pengurusan Tertinggi JLM Bilangan 1 Tahun 2018 yang diadakan pada 20 Mac 2018 telah mengarahkan Bahagian Hal Ehwal Pelaut dan Pelabuhan (HEPP), Unit Perancang Dasar Dan Pembangunan (UPDP) dan Pengarah Laut Wilayah yang berkaitan untuk membangunkan Prosedur Operasi Standard (SOP) Pengurusan Marina Awam supaya pengurusan marina awam ditadbir dengan lebih teratur.
- 3.4.2. SOP Pengurusan Marina Awam telah dibangunkan dan JLM mengarahkan pemakaian di semua marina awam di bawah seliaan JLM berkuat kuasa pada 3 September 2018. Arahan ini telah dibuat melalui surat bilangan (1) dlm IPL.2517-J Jld.2 bertarikh 29 Ogos 2018.
- 3.4.3. Bagi memastikan pelaksanaan SOP Pengurusan Marina Awam dipatuhi, JLM telah melaksanakan pemantauan terhadap pematuhan SOP ini. Hasil laporan pemantauan SOP ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Pembentangan Laporan Pemantauan Terhadap Pematuhan SOP Pengurusan Marina Awam pada 8 Januari 2019. Dalam mesyuarat tersebut arahan berikut telah dimuktamadkan:

- i. Setiap Pengarah Wilayah menyediakan struktur organisasi yang khusus bagi Pengurusan Marina Awam;
  - ii. Bagi pegawai-pegawai JLM yang bertugas menguruskan marina awam, tanggungjawab ini diterapkan ke dalam Deskripsi Tugas (*Job Description - JD*), Myportfolio mereka; dan
  - iii. Berikutan penstrukturan semula organisasi JLM, Bahagian Operasi Maritim (BOM) diarahkan untuk mengambil alih pengurusan dan pemantauan operasi marina daripada Bahagian HEPP (yang tidak wujud dalam struktur organisasi JLM yang baharu) serta memastikan SOP Pengurusan Marina Awam dilaksanakan dan dipatuhi sepenuhnya.
- 3.4.4. Selain itu, bagi memastikan wujud kawalan dan pengurusan kewangan serta pungutan hasil yang lebih efisien di marina awam, SOP Pengurusan Marina Awam turut menyatakan berkenaan kutipan hasil.

#### **Maklum Balas MOF**

- 3.4.5. MOF telah mengadakan lawatan verifikasi ke atas tiga (3) marina awam iaitu Marina Awam Pulau Tioman, Pahang, Marina Kuching, Sarawak dan Marina Batu Uban, Pulau Pinang bagi mengesahkan tindakan susulan yang telah diambil terutamanya pematuhan kepada SOP berkaitan pelaksanaan urusan kewangan dan pungutan hasil. Secara keseluruhan, JLM telah mematuhi SOP dalam urusan kewangan dan pungutan hasil.

- 3.4.6. Walau bagaimanapun, terdapat kelemahan dalam urusan bayaran balik hasil kepada pelayar yang memendekkan tempoh sewaan *berthing*. MOF mengesyorkan supaya JLM merujuk perkara ini kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) untuk mewujudkan prosedur khas bayaran balik tersebut. Perkara ini perlu diambil tindakan segera oleh JLM kerana ia melibatkan kutipan wang awam.

**(Setakat 23 Ogos 2019, syor ini sedang dalam tindakan pihak JLM)**

- 3.5. **Syor 5: PAC mahu Kementerian dan agensi perlu mengambil kira kos penyelenggaraan dan sumber manusia sebelum memohon sebarang peruntukan pembangunan.**

**Maklum Balas Bahagian Pembangunan, MOT**

- 3.5.1. Kementerian Pengangkutan Malaysia mengambil maklum akan syor PAC agar kementerian dan agensi perlu mengambil kira kos penyelenggaraan dan sumber manusia sebelum memohon sebarang peruntukan pembangunan.
- 3.5.2. Kementerian telah menjalankan beberapa inisiatif berhubung perkara ini. Antaranya, selari dengan arahan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 2011, kesemua projek yang dipohon akan dilaksanakan *Logical Framework Analysis*. Keperluan kos penyelenggaraan dan sumber manusia telah diambil kira dalam analisis kerangka logik tersebut dan diringkaskan dalam bentuk Matriks Kerangka Logik.
- 3.5.3. Selain itu, bagi projek-projek mega yang memerlukan kos yang tinggi dan mempunyai impak yang juga tinggi kepada negara, Kajian Kemungkinan dijalankan terlebih dahulu sebelum projek dilaksanakan.

- 3.5.4. Kementerian akan sentiasa menambah baik perancangan dan pelaksanaan projek dari semasa ke semasa.

**Maklum Balas Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA)**

- 3.5.5. Kos penyelenggaraan dan keperluan sumber manusia akan diteliti bersama dengan kementerian berkaitan dan agensi pusat lain semasa pembentangan cadangan projek baharu kepada Jawatankuasa Pemeriksaan Bajet Pembangunan, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Jawatankuasa Pemeriksaan Bajet Pembangunan ini turut melibatkan agensi pusat yang berkaitan dengan bidang kuasa masing-masing antaranya Jabatan Perkhidmatan Awam (pengurusan sumber manusia), Kementerian Kerja Raya (aspek teknikal), Kementerian Kewangan (peruntukan kewangan) dan MAMPU (aspek ICT). Hal ini bagi memastikan bahawa sebarang permohonan projek pembangunan perlu dinilai terlebih dahulu dalam menentukan kebolehlaksanaan sesuatu projek.
- 3.5.6. Semua permohonan projek baharu oleh kementerian juga perlu dimasukkan ke dalam Sistem Pemantauan Projek II (SPP II) mengikut tempoh yang ditetapkan. Proses kemasukan maklumat dalam sistem SPP II ini telahpun dikemas kini bagi memastikan semua maklumat projek adalah lengkap mengikut kriteria yang telah ditetapkan.
- 3.6. **Syor 6: Menggesa Kerajaan supaya lebih prihatin dalam merancang sebarang aktiviti pembangunan dengan mengambil kira perancangan yang holistik.**

### **Maklum Balas MEA**

- 3.6.1. Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) telah menetapkan supaya kementerian dan agensi merancang projek pembangunan agar selari dengan dasar pembangunan semasa kerajaan sebelumnya yang terdapat dalam dokumen Rancangan Pembangunan Malaysia.
- 3.6.2. Kementerian dan agensi juga perlu untuk melaksanakan *feasibility study* terutamanya bagi pembangunan projek-projek mega. Hal ini bagi memastikan supaya sebarang cadangan projek baharu ialah projek yang benar-benar mempunyai keperluan dan bukannya atas kehendak semata-mata. Hasil daripada *feasibility study* tersebut akan membantu Kerajaan untuk membuat keputusan sama ada projek tersebut wajar dilaksanakan atau sebaliknya.
- 3.6.3. Makmal Pengurusan Nilai juga telah diperkenalkan bagi projek-projek yang bernilai RM50 juta dan ke atas bermula pada Rancangan Malaysia Ke-10 (2011-2015). Pelaksanaan Makmal Pengurusan Nilai ini penting bagi meneliti skop dan kos projek untuk menentukan sesuatu projek itu berdaya saing dan *value for money*.

## **4. PENUTUP**

PAC Parlimen mengambil maklum segala tindakan susulan pegawai pengawal yang diambil ke atas syor-syor PAC Parlimen oleh MOF/MOT/JLM selaras dengan Perkara 304 (b), Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2008).

## **JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN KE 14**